

06 JAN 2000

Dompok-Tugas (Bergambar)

DOMPOK SAMPAIKAN KOMITMEN PUSAT BANTU BANGUNKAN SABAH

KOTA KINABALU, 6 Jan (Bernama) -- Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Bernard Dompok hari ini mengunjunginya Yang Dipertua Negeri Tun Sakaran Dandai di sini dan membincangkan pelbagai perkara berkaitan pembangunan negeri dan negara.

Turut dibincangkan termasuk perkara-perkara yang terletak di dalam bidangkuasa beliau dalam kabinet persekutuan, peranan Sabah dalam pembangunan negara serta komitmen kerajaan pusat untuk terus membantu Sabah dalam membangunkan negeri itu.

"Saya fikir Sabah memainkan peranan penting dalam usaha kerajaan membangunkan negara. Sabah mempunyai sumber tertentu seperti tanah yang luas yang boleh dimanfaatkan," katanya kepada pemberita di Istana Negeri di sini.

Ketika ditanya mengenai bidangkuasa beliau selaku Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dompok berkata antara lain ia berkaitan dengan soal industri petroleum negara, Jabatan Perkhidmatan Awam serta perkara-perkara yang berkaitan dengan kerjasama serantau.

"Selain itu saya juga diberi tugas menjaga Petronas, Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) dan beberapa suruhanjaya yang ditubuhkan termasuk Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Suruhanjaya Pilihanraya (SPR)," katanya.

Mengenai SPR, Dompok berkata walaupun ia sebuah badan bebas, ia masih memerlukan kerjasama jentera kerajaan bagi melicinkan operasinya.

Turut diletakkan dalam bidang kuasa beliau ialah pasukan penyelamat SMART, Jabatan Perangkaan, Jabatan Audit, dan sebahagian daripada Unit Perancang Ekonomi.

"Tugas yang diberikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah luas dan mencabar dan saya yakin ini memberi peluang kepada pemimpin dari Sabah untuk memainkan peranan penting dalam pengurusan kerajaan Malaysia," katanya.

Menjawab soalan lain, Dompok yang juga Presiden Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Bersatu (Upko) berkata masyarakat Kadazandusun dan Murut di Sabah kini dapat memandang ke hadapan dengan lebih yakin ekoran perwakilan yang kukuh dalam kerajaan.

"Saya fikir, masyarakat Kadazandusun dan Murut kini melangkah ke alaf baru dengan keyakinan baru bersama-raya rakyat Malaysia untuk memajukan diri mereka," katanya.

Menurutnya tanda-tanda selepas pilihan raya umum 29 Nov lepas menunjukkan masyarakat berkenaan telah memahami peranan penting mereka dalam pembangunan negara.

-- BERNAMA

JS LAT